

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WONG CHEN [  
KELANA JAYA ]**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapa lamakah perundingan antara pihak Kerajaan pusat dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak mengenai isu autonomi sudah dijalankan; dan
- (b) dari manakah kuasa Perdana Menteri yang membenarkan beliau memulakan proses perundingan tersebut tanpa persetujuan Parlimen.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perundingan antara pihak Kerajaan pusat dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak mengenai isu autonomi sudah dijalankan bermula dari Januari 2016 sehingga September 2016.

Pelaksanaan penurunan kuasa secara pentadbiran dan berperingkat tersebut adalah berdasarkan ketetapan-ketetapan yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negara dan akan tertumpu kepada fungsi-fungsi operasi dan pentadbiran tanpa melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang Negara yang berkaitan, termasuklah perkara-perkara yang telah disenaraikan dalam Senarai Persekutuan, Negeri dan Bersama.

Sekian, terima kasih.